

Kertas Model UASA SJK (C)



教育出版社

UASA

模拟测评

国文

Bahasa
Melayu

5 set Kertas Model UASA

Berpandukan
Modul Perealisasian Item

UASA & JSU

6 年级

KSSR Semakan




Mohd Izzat Ismail, Jennifer Ali



Arahan kesukaran dan nisbah	Pendak (P)	Sederhana (S)	Tinggi (T)
	5	3	2
Jumlah markah Bahagian A, B, C dan D	50		

Kertas Model UASA 3



1 jam 15 minit

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Cikgu Tan akan _____ Anugerah Tokoh Pendidik pada hari Jumaat ini.

A menarik 拉/吸引
B menerima 接收
C menyentak 用力拉
D menjunjung 用头顶东西

Kata Kerja R

- 2 Cikgu Hanim (mewajibkan) setiap murid membawa satu bahan _____ untuk program NILAM.

A dibaca
B bacaan
C membaca
D pembacaan

Kata Berimbuhan R

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3 A Saya suka makan nasi lemak atau minum jus oren.
B Kakak mahu membaca buku kerana dia suka menulis.
C Ayah membeli sayur-sayuran dan buah-buahan yang segar di pasar tani.
D Mereka ingin bermain badminton di gelanggang pada petang ini kerana hari hujan.

Ayat Susunan Bilas S

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada pagi Sabtu yang cerah, Wei Jie dan keluarganya pergi ke kebun buah-buahan. Mereka tiba awal pagi dan terus berjalan di antara pokok-pokok langsung dan rambutan. Wei Jie membantu ayahnya mengait buah rambutan yang telah masak. Manakala adiknya menolong ibu mengutip buah langsung yang gugur.

Selepas mengait buah langsung, mereka duduk di atas tikar untuk makan sarapan. Mereka membawa sarapan, iaitu nasi lemak dan sandwic dari rumah. Wei Jie minum air kelapa segar dan menikmati buah-buahan yang baru dipetik. Dia berasa gembira kerana dapat meluangkan masa bersama keluarga sambil belajar tentang pelbagai jenis buah-buahan.

4. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Wei Jie dan keluarganya pada pagi Sabtu?

A Melawat zoo
B Pergi ke kebun buah-buahan
C Bermain di taman permainan
D Menonton wayang di pawagam

Pemahaman – Petikan

R

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

A Wei Jie menolong ibu mengutip buah langsung yang gugur.
B Adik Wei Jie membantu ayah mengait buah rambutan yang masak.
C Wei Jie minum air kelapa dan makan sayur-sayuran yang baru dipetiknya.
D Mereka makan sarapan yang dibawa dari rumah selepas mengait buah langsung.

Pemahaman – Petikan

S

6. Yang berikut ialah aktiviti yang dilakukan oleh Wei Jie sekeluarga di kebun buah-buahan berdasarkan petikan **kecuali**

A mengutip buah langsung.
B mengait buah rambutan.
C membentangkan tikar dari rumah.
D belajar tentang pelbagai jenis buah-buahan.

Pemahaman – Petikan

T

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

Pada hujung minggu yang lalu, Jia Yi dan keluarganya menanam sayur-sayuran di belakang rumah. Ayah (menggemburkan tanah) sebelum menanam biji benih. Jia Yi menolong ayahnya menyiram biji benih manakala adiknya (menabur baja) 施肥.


Selepas selesai menanam sayur-sayuran, mereka berehat di beranda rumah sambil berbual-bual. Ayah mengingatkan Jia Yi dan adik supaya rajin menyiram tanaman. Ayah juga berjanji akan memberikan upah kepada mereka selepas menjual sayur-sayuran itu nanti.

Jia Yi berasa teruja setiap kali melihat sayur-sayuran tumbuh dengan subur. Dia berazam untuk rajin menjaga tanaman itu pada setiap hari. Dia berasa gembira kerana dapat membantu keluarga pada masa lapang.

Bahan 2

Tip Menjaga Tanaman di Rumah

1. Siram tanaman setiap hari supaya tanah tidak kering.
2. Pastikan tanaman mendapat cahaya matahari yang mencukupi.
3. Buang daun atau ranting yang kering supaya tanaman kekal sihat.
4. Gunakan baja organik untuk membantu pertumbuhan tanaman.
5. Luangkan masa untuk menjaga tanaman dengan sebaik mungkin.



7 Apakah yang dilakukan oleh Jia Yi semasa di kebun sayur?

- A Menabur baja
- B Menyiram biji benih
- C Menanam biji benih
- D Menggemburkan tanah

Pemahaman – Pelbagai Bahan

R

8 Ayah menggemburkan tanah sebelum menanam biji benih.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A buah.
- B deret. – 排排
- C batang.
- D bidang.

Penjodoh Bilangan

R

9 Perkataan *menjaga* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A membeli.
- B merawat.
- C menanam.
- D mengumpul.

Pemahaman – Pelbagai Bahan

S

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.

- A Jia Yi suka membazir masa dengan bermain sepanjang hujung minggu.
- B Kita digalakkan membazirkan wang dan masa pada setiap hujung minggu.
- C Jia Yi menanam sayur supaya dapat makan sayur-sayuran yang segar setiap hari.
- D Kita hendaklah menjaga tanaman dan bertanggungjawab terhadap kerja yang dilakukan.

Pemahaman – Pelbagai Bahan

T

Bahagian B
[10 markah]

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Setiap pagi sebelum kelas bermula, Zhang Rui dan kawan-kawannya memeriksa tanaman herba di taman mini sekolah. Mereka menyiram tanaman seperti pudina, serai dan pegaga mengikut jadual yang ditetapkan oleh Kelab Sains. Tanaman herba mereka kelihatan subur.

Pada minggu tersebut, taman mini sekolah mereka terpilih sebagai taman tercantik bagi pertandingan di peringkat daerah. Guru penasihat memuji usaha Zhang Rui dan kawan-kawannya yang sentiasa komited menjaga tanaman herba. Zhang Rui berasa gembira kerana sumbangannya dapat membantu sekolah mencapai kejayaan.

- (a) Zhang Rui menyiram tanaman herba di _____.

Talabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastra

R

[1 markah]

- (b) Apakah sikap positif yang ditunjukkan oleh Zhang Rui dan kawan-kawannya selepas menyertai Kelab Sains?

Talabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastra

R

[2 markah]

- (c) Gariskan satu kata adjektif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Tanaman herba mereka kelihatan subur.

Talabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastra

S

[1 markah]

- (d) Pilih dan tulis (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Guru penasihat memuji usaha Zhang Rui dan kawan-kawannya yang sentiasa komited menjaga tanaman herba.

Usaha Zhang Rui dan kawan-kawannya yang sentiasa komited menjaga tanaman herba dipuji oleh guru penasihat.

Zhang Rui dan kawan-kawannya memuji guru penasihat yang sentiasa komited menjaga tanaman herba.

Talabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastra

T

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Li Wei dan rakan-rakannya mengikuti pembelajaran menggunakan komputer di makmal sekolah. Cikgu Wah mengajar mereka tentang cara-cara menggunakan perisian pembelajaran yang mudah dan menarik. Dua orang rakan Li Wei bermain-main semasa Cikgu Wah memberikan penerangan.

Berdasarkan situasi di atas, apakah yang boleh dilakukan oleh Li Wei?

Penyelesaian Masalah – Rumusan / Ramalan

R / S / T

[5 markah]

Bahagian C

[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang pengurusan masa. Tulis pendapat kamu tentang cara-cara mengurus masa dengan baik. Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Penulisan Perenggan – Pendapat / Cadangan

R / S / T


[10 markah]

Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Membaca Jambatan Ilmu



- 1 Tulis sebuah karangan keperihalan berdasarkan bahan grafik.

ATAU

- 2 Tulis surat kiriman rasmi berdasarkan bahan grafik.
